

1100089078

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UPDNZ)
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 38 FPE 2 2009



1100089078

Faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan : kajian kes Negeri Terengganu / Norhidayati Mohd.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

1100089078

1100089078

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PENGETAHUAN DIGITAL SULTANAH NEHR ZAFIRAH

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERTUMBUHAN
PELANCONGAN: KAJIAN KES NEGERI TERENGGANU**

NORHIDAYATI BINTI MOHD

SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)**

2008

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 30/04/09



NORHIDAYATI BINTI MOHD
UK14000

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date : 30/04/09



NORHIDAYATI BINTI MOHD
UK14000

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi dapat juga saya menyiapkan Kertas Projek (EKN 4399) dengan jayanya. Ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat terutamanya keluarga yang banyak memberi sokongan dari belakang serta rakan-rakan saya yang sama-sama berjuang belajar dan menyiapkan Kertas Projek ini. Berjuta-juta ucapan terima kasih saya kepada pensyarah Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi iaitu penyelia Kertas projek, Dr Azlina Abdul Aziz, En Najit Sukemi, En Nathakumar A/L Loghanathan serta semua pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya. Ucapan terima kasih juga kepada pihak yang membantu saya untuk mendapatkan maklumat-maklumat Kertas Projek iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu dan Jabatan Perangkaan Malaysia Terengganu serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Kertas Projek ini. Terima kasih sekali lagi kepada semua. Jasa anda semua akan saya kenang sampai bila-bila. Akhir kata kenangan berjuang di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) amat indah dan tidak akan saya lupakan dalam hidup saya.

Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan dengan jumlah kedatangan pelancong. Kajian ini bertumpu kepada pembangunan di Negeri Terengganu yang dikaitkan dengan beberapa faktor-faktor pelancongan iaitu perbelanjaan pembangunan oleh kerajaan, bilangan hotel, pelaburan dan hasil kerajaan. Dengan menggunakan Model Penganggaran Kuasa dua Terkecil (OLS), jumlah kedatangan pelancong dipilih untuk menjadi pembolehubah bersandar ke atas faktor-faktor pertumbuhan pelancongan. Hasil kajian ini menepati objektif kajian yang mana semua pembolehubah mempunyai hubungan yang kuat dengan pembolehubah bersandar.

Kata kunci : kedatangan pelancong, hotel, perbelanjaan pembangunan, pelaburan, hasil, OLS.

ABSTRACT

This study aimed to see interrelationship factors which influenced tourism growth with total incoming tourist. This study concentrate to development in Terengganu State associated with some tourism factors namely development expenditure by the government, number of hotel, investment and government revenue. By using Ordinary Least Squares Model (OLS), total incoming tourist chosen in order to be dependent variable on tourism growth factors. These results keep objective of the study which all variables having strong ties with dependent variable.

Keyword: *tourism arrival, hotel, development expenditure, investment, state revenue, OLS*

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii

BAB 1 : PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Kesimpulan	10

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian Jurnal Lepas	11
2.3 Kesimpulan	15

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	16
3.2 Data dan set model kajian	16
3.3 Rangka Teori	17
3.4 Sumber dan skop data	18
3.5 Korelasi	19
3.6 Penganggaran Kuasa Dua	20
3.7 Heteroskedastisiti – UJIAN WHITE	20
3.8 Ujian Normaliti	21
3.9 Hubungan Bersiri (Serial Correlation)	21
3.10 Kesimpulan	23

BAB 4 : ANALISIS DATA KAJIAN

4.1 Pendahuluan	24
4.2 Analisis deskriptif	24
4.3 Analisis keputusan Regresi Mudah	31
4.4 Ujian Heterokedastisiti	32
4.5 Ujian Normaliti	33
4.6 Kesimpulan	33

BAB 5 : IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan	34
5.2 Rumusan Hasil Kajian	34
5.3 Cadangan Dan Implikasi Dasar	36
5.4 Kesimpulan	39

Rujukan 40

Lampiran 41

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
1.1 Bilangan Hotel Dan Penginapan Di Terengganu	3
1.2 Tingkat perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu	5
1.3 Tingkat Pelaburan Negeri Terengganu	6
3.1 Rangka Teori Hubungan Pembolehubah	19
4.1 Tren kedatangan Pelancong Ke Terengganu (1993-2007)	26
4.2 Tren Jumlah Pelaburan di Terengganu (1993-2007)	27
4.3 Bilangan Hotel Di Terengganu (1993-2007)	28
4.4 Jumlah Perbelanjaan Pembangunan Di Terengganu (1993-2007)	29
4.5 Jumlah Hasil Negeri Terengganu (1993-2007)	30
4.6 Hubungan Antara Pembolehubah	31
4.7 Histogram Normaliti	33

BAB 1:

PENGENALAN KAJIAN

1.1 PENGKENALAN

Pelancongan merupakan satu sektor yang sangat penting di mana-mana negara di seluruh dunia. Sektor pelancongan di Malaysia pula adalah sektor yang utama yang menjadi penarik utama pelancong asing mengenali negara ini. Malaysia yang dikenali sebagai negara yang mempunyai berbilang kaum iaitu kaum Melayu, Cina, India dan kaum pribumi merupakan aset utama yang menonjolkan banyak kebudayaan yang unik kepada masyarakat luar. Namun begitu, setiap negeri di Malaysia mempunyai tarikan tersendiri dalam menunjukkan kebudayaan masing-masing contohnya di negeri Terengganu.

Negeri Terengganu Darul Iman adalah salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Terletak di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Ibu negeri Terengganu ialah Kuala Terengganu yang juga baru sahaja dinaiktaraf sebagai bandaraya pesisir air kerana kedudukannya berhampiran dengan pantai laut China Selatan. Kegiatan utama ekonomi negeri Terengganu ialah perikanan yang merupakan punca rezeki masyarakat berhampiran laut dan hasil petroleum yang terdapat di perairan negeri pula menguatkan lagi ekonomi negeri ini.

Di Malaysia, pertumbuhan pelancongan semakin pesat membangun dan kini menjadi satu sektor yang mampu menarik ramai pelabur-pelabur asing untuk melabur ke negara ini. Pelaburan yang tinggi menjadikan pembangunan terus membangun setaraf dengan negara maju lain di dunia. Projek-projek mega seperti pembinaan lebuhraya, pelaksanaan projek ECER atau Koridor Pantai Timur yang terdiri daripada tiga buah negeri iaitu negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan dengan tujuan untuk meningkatkan ekonomi penduduk Malaysia selain dari menggalakkan sektor pelancongan lebih berkembang dalam tempoh yang lama.

Di negeri Terengganu pula, pertumbuhan pelancongan di Negeri Terengganu pada hari ini semakin pesat membangun dan berkembang mengikut peredaran masa. Pertumbuhan dalam pelancongan merupakan kadar peningkatan kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu. Ini berikutan dengan kepesatan pembangunan dan daya tarikan negeri ini semakin menyerlah dan ia merupakan tarikan untuk sektor pelancongan. Seperti mana yang kita tahu, pertumbuhan pelancongan di negeri Terengganu pada masa sekarang semakin membangun contohnya galakan melancong ke negeri Terengganu seperti pembinaan Taman Tamadun Islam, Festival Citrawarna Malaysia serta tarikan Tahun Melawat Terengganu 2008 dan secara tidak langsung membantu kepada peningkatan pendapatan tahunan negeri Terengganu. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Negeri (2007), sektor pelancongan di negeri ini memberi sumbangan sebanyak 14 peratus dalam pendapatan pada tahun 2007 kepada negeri Terengganu.

Kerajaan negeri ini giat mempromosikan pelancongan dengan memperkenalkan moto “Negeri Cantik Budaya Menarik” dan “Budaya Memayungi Warisan”. Bersempena dengan tahun melawat Terengganu maka segala kemudahan dan keperluan untuk pelancongan disediakan sedaya upaya oleh pihak kerajaan. Pembangunan dalam pertumbuhan pelancongan ini juga dipengaruhi berdasarkan pelaburan-pelaburan yang di peruntukan dalam pembangunan sektor pelancongan negeri ini. Peningkatan dalam pertumbuhan pembangunan pelancongan contohnya pusat membeli belah iaitu Pasaraya Giant dan Mydin Mall, pembinaan tempat rekreasi yang menarik contohnya Taman Tamadun Islam dan kawasan rekreasi Pantai Batu Buruk yang telah diperindahkan lebih menggalakkan lagi kepada sektor pelancongan di negeri ini.


Berdasarkan sumber daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) (2007), sumbangan sektor pelancongan di negeri ini kepada ekonomi merupakan sumbangan yang amat besar iaitu bermula pada tahun 1998 iaitu RM277.1 juta kepada RM2149.0 juta pada tahun 2007. Perkara ini merupakan peningkatan yang sangat tinggi dalam tempoh sembilan tahun di mana sumbangan ini secara tidak langsung membantu kerajaan negeri membangunkan lagi infrastruktur pelancongan di negeri Terengganu.

Merujuk kepada sumber daripada UPEN lagi iaitu maklumat mengenai perkembangan kedatangan pelancong dalam tempoh 15 tahun yang menunjukkan perkembangan pelancongan yang mana kedatangan pelancong bertambah dari tahun ke tahun bermula tahun 1993 iaitu seramai 375,296 dan semakin bertambah kepada 2867383 pada tahun 2007. Disebalik berlakunya pertumbuhan dalam pelancongan, terdapat faktor-faktor utama yang mempengaruhi dalam pertumbuhan ini. Antara faktor tersebut adalah:

i. Kemudahan penginapan dan hotel

Setiap pelancong memerlukan tempat penginapan untuk berehat. Pemilihan tempat penginapan yang selesa dan menjimatkan kos penginapan amat penting kepada pelancong yang merancang perbelanjaan. Sebaliknya terdapat juga pelancong yang mementingkan keselesaan yang maksimum walaupun terpaksa membayar lebih. Di Terengganu, bilangan hotel dan rumah rehat yang merupakan kemudahan penginapan untuk pelancong semakin bertambah dari tahun ke tahun. Berdasarkan sumber daripada UPEN (2008) melaporkan, kadar purata penginapan hotel juga meningkat bermula tahun 1998 iaitu 50.1 peratus kepada 65 peratus pada tahun 2007. Pertambahan hotel dapat ditunjukkan dalam rajah 1,

Rajah 1.1 : Bilangan hotel dan penginapan di negeri Terengganu




Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007)

Didapati berlaku peningkatan positif dalam bilangan hotel dan chalet di negeri Terengganu iaitu 134 buah hotel dan resort manakala pada tahun 2007 terus meningkat kepada 277 buah. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pelancongan, kemudahan penginapan seperti bilangan hotel dan bilik akan ditambah selari dengan dengan peningkatan pelancong ke negeri ini sebagai tarikan utama untuk kemudahan pelancongan contohnya pembinaan hotel baru di Kuala Terengganu iaitu Hotel Felda Residential.

ii. Perbelanjaan kerajaan

Kerajaan negeri telah memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor pelancongan. Bagi memajukan sektor pelancongan, peruntukan yang khusus telah disediakan untuk menjalankan pembangunan bagi meningkatkan lagi pertumbuhan pelancongan negeri ini. Selain itu, kerajaan juga berfungsi untuk mempromosikan keistimewaan negeri ini melalui acara mega contohnya SUKMA 2008, Tahun Melawat Terengganu 2008 dan Festival Citrawarna. Ini amat membantu dalam usaha untuk menarik pelancong bertandang ke negeri ini. Selain itu, keadaan politik negeri yang stabil dan mampu mengendalikan negeri dengan aman mendorong negeri ini menjadi pilihan pelancong untuk bercuti. Perbelanjaan pembangunan yang diperuntukan oleh kerajaan negeri akan membantu kepada pertumbuhan pelancongan contohnya pembinaan Hotel Felda berhampiran perairan bandar Terengganu bertujuan untuk menambah bilangan penginapan secara tidak langsung menambahkan lagi tarikan pelancongan kerana bentuk struktur dan kedudukan lokasi hotel tersebut. Berdasarkan sumber data yang diperolehi daripada Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu (2007) pada tahun 1993 sebanyak RM151.6 juta dibelanjakan dan seterusnya pada tahun 2007 meningkat kepada RM784.0 juta. Ini menunjukkan lebih banyak pembangunan yang dibangunkan di negeri ini. Aliran perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.2:

Rajah 1.2: Tingkat Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu



Sumber: Jabatan Perpendaharaan Negeri Terengganu (2007)


Rajah 1.2 menunjukkan tahap perbelanjaan pembangunan berlaku peningkatan pada awal tahun 1993 iaitu RM151.6 juta sehingga tahun 1997 tetapi berlaku penurunan dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan berikutan dengan krisis ekonomi Malaysia pada waktu tersebut. Seterusnya pertumbuhan pembangunan kembali pesat pada tahun 2004 sehingga tahun 2007 iaitu sebanyak RM784 juta.

iii. Tingkat pelaburan

Untuk menjamin pembangunan yang lebih membangun dan moden mengikut arus semasa memerlukan peruntukan yang tinggi dalam merancang sesuatu projek pembangunan. Kadar pelaburan yang tinggi daripada pelabur-pelabur yang mana akan menjanjikan keuntungan kepada mereka pada masa akan datang akan lebih menarik ramai pelabur termasuk pelancong sebagai penyumbang utama ekonomi negeri. Berdasarkan sumber daripada UPEN (2007) peningkatan pelaburan seiring dengan perkembangan global bermula tahun 1993 sebanyak RM4,042.7 juta

kepada RM6,497.04 juta pada tahun 2007. Ini dapat ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.3:

RAJAH 1.3 : Tingkat Pelaburan Negeri Terengganu



Sumber :Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan rajah 1.3, penurunan mendadak pada tahun 1999 sehingga tahun 2003 disebabkan oleh pertukaran pucuk pimpinan negeri dimana kerajaan baru iaitu Parti Islam Malaysia (PAS) mengambil alih kuasa daripada kerajaan Barisan Nasional selama lima tahun. Disebabkan kurang pendekatan dalam pembangunan ekonomi, tingkat pelaburan dalam tempoh tersebut jatuh sebanyak 18.5 peratus pada tahun 1999. Pembangunan yang mantap dan berkesan akan menjanjikan pertumbuhan yang tinggi dalam pelancongan. Para pelabur akan memperolehi keuntungan daripada pelaburan mereka.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan iaitu jumlah perbelanjaan pembangunan, bilangan jumlah penginapan, jumlah hasil negeri dan tingkat pelaburan. Terdapat empat persoalan yang telah dikaji iaitu faktor-faktor yang memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan sektor pelancongan negeri Terengganu. Merujuk kepada petikan akhbar Utusan Malaysia pada awal Januari 2008, Terengganu pada hari ini bukan lagi negeri mundur pada satu ketika dahulu. Sumbangan dalam sektor pelancongan amatlah memainkan peranan yang sangat besar kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada kemudahan penginapan seperti hotel dan penginapan dilihat sebagai satu faktor yang akan menarik pelancong. Ini kerana kebanyakan pelancong memerlukan tempat penginapan untuk bermalam dan berehat serta bergantung kepada tempoh berkunjung ke mana-mana destinasi. Permintaan yang tinggi terhadap keperluan penginapan menjadikan hotel menjadi satu faktor yang penting kepada pelancong.

Kajian ini juga melihat kepada tingkat pelaburan kepada sektor pelancongan dan pembangunan di negeri Terengganu. Tingkat pelaburan yang tinggi berdasarkan sumber daripada UPEN (2007) iaitu RM6497.04 juta pada 2007 berbanding tahun 2006 sebanyak RM3181.7 juta berikutan Terengganu merupakan negeri yang berprestasi untuk dimajukan dalam sektor pelancongan. Sekiranya tingkat pelaburan semakin banyak adakah pembangunan di negeri ini juga akan membangun seterusnya persoalan di sini ialah samada pelancong akan semakin tertarik dengan kemajuan pembangunan negeri Terengganu.

Selain itu kerajaan juga merupakan organisasi tempatan yang sangat penting dalam mengendalikan pengurusan sesebuah negara dan negeri. Peranan kerajaan merupakan faktor yang penting terutamanya menyediakan peruntukan dalam pembangunan negeri

Terengganu. Sumber akhbar Utusan Malaysia pada 2 Februari 2007, lebih RM100 juta dilaburkan untuk pembinaan enam buah lagi hotel di Terengganu bagi merancakkan lagi pembangunan industri pelancongan di negeri ini selaras dengan Tahun Melawat Terengganu 2008 (TMT). Namun begitu, peruntukan yang banyak masih belum dapat memajukan negeri Terengganu dengan lebih proaktif. Oleh itu, wujud persoalan samada perbelanjaan pembangunan yang tinggi dapat membantu negeri ini membangun dengan lebih proaktif dan dapat menarik peningkatan pelancong ke negeri ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif umum

Untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di Negeri Terengganu.

1.3 .2 Objektif khusus

- i. Untuk mengkaji samada perbelanjaan pembangunan memberi kesan kepada pembangunan pelancongan.
- ii. Untuk mengkaji pertumbuhan sektor pelancongan kesan daripada tingkat pelaburan.
- iii. Untuk mengkaji hubungan peranan kerajaan dalam meningkatkan pertumbuhan pelancongan.
- iv. Untuk mengkaji kemudahan hotel dan penginapan mempengaruhi permintaan pelancongan di Terengganu.

1.4 SKOP KAJIAN

Fokus utama kajian adalah di Negeri Terengganu iaitu mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di negeri ini. Kajian yang dilakukan

merangkumi faktor-faktor iaitu berdasarkan kepada bilangan hotel dan penginapan yang terdapat di negeri Terengganu, tingkat pelaburan terhadap sektor ekonomi pelancongan dan peranan kerajaan dalam menyediakan peruntukan bagi sektor pelancongan serta hasil yang diperolehi oleh kerajaan dalam menjana kembali pembangunan manakala pengukur kepada pertumbuhan pelancongan ialah bilangan kedatangan pelancong ke negeri Terengganu. Data yang akan digunakan bermula tahun 1993 sehingga 2007 yang diperolehi daripada jabatan-jabatan kerajaan iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu, Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada pertumbuhan pelancongan yang disebabkan oleh faktor-faktor yang boleh mempengaruhi sektor pelancongan. Kajian ini selari dengan program Tahun Melawat Terengganu 2008 dan pembangunan Koridor Pantai Timur (ECER) yang mana mensasarkan pelancong untuk melancong ke negeri ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan kepada pertumbuhan pelancongan negeri. Kajian ini memberi kepentingan kepada negeri Terengganu supaya lebih peka terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi supaya pembangunan dalam sektor pelancongan dapat dibangunkan selaras dengan permintaan terhadap sektor pelancongan dalam dan luar negara.

1.6 KESIMPULAN

Peningkatan positif dalam ekonomi pelancongan di negeri Terengganu merupakan hasil daripada pertumbuhan pembangunan yang pesat di negeri ini. Pertumbuhan pelancongan yang dipengaruhi oleh banyak faktor seperti jumlah penginapan samada hotel atau chalet, tingkat pelaburan dan perbelanjaan untuk pembangunan pelancongan dan seterusnya hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri hasil daripada pertumbuhan pesat di negeri Terengganu. Disebabkan oleh faktor-faktor ini pertumbuhan pelancongan di Terengganu mengalami perkembangan yang pesat. Namun begitu kajian ini diperlukan untuk membuktikan faktor-faktor ini memenuhi objektif kajian.

BAB 2:

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kajian lepas yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di Negeri Terengganu. Ulasan kajian lepas digunakan sebagai sokongan terhadap keseluruhan kajian yang dibuat. Antara faktor yang dikaji iaitu peranan kerajaan dalam memperuntukan perbelanjaan, hasil pendapatan negeri, tingkat pelaburan dan hotel. Kaedah dan model turut dijadikan rujukan berdasarkan jurnal yang dikaji.

2.2 KAJIAN JURNAL LEPAS

Kajian yang dikaji oleh Onder et al (2005) yang bertajuk " An Empirical Analysis Of The Determinants Of International Tourism Demand : The Case Of Izmir". Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan pelancongan antarabangsa di Izmir yang menggunakan data siri masa antara tahun 1980-2005. Model Logaritma Berganda digunakan untuk penganggaran. Kadar pertukaran sebenar, GDP per kapita untuk negara OECD, GDP per kapita negara Izmir dan stok modal untuk pengangkutan awam di Izmir merupakan pembolehubah yang digunakan untuk menerangkan kedatangan pelancong antarabangsa yang datang melancong ke Izmir. Data empirikal menunjukkan bahawa harga dan pendapatan pelancong negara yang berkenaan merupakan penentu utama permintaan pelancongan. Hasil kajian ini mendapati permintaan pelancongan di Izmir merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelancongan negara. Bagi faktor-faktor tempatan di Izmir adalah tidak efektif dalam permintaan generasi yang mana berkaitan dengan adat resam masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan agar kerajaan mestilah mengubal alternatif baru untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi termasuk kraftangan, makanan, alam sekitar dan kebudayaan di negara Izmir.

Kajian yang dikaji oleh Raymond (2001) yang bertajuk “ Estimating The Impact Of Economic Faktor On Tourism : Evidence From Hong Kong”. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu yang berkaitan dengan kesan faktor ekonomi kepada perbelanjaan pelancong dan kadar penginapan bilik hotel. Kajian ini menggunakan Model Jangkaan iaitu perbelanjaan sebenar pelancongan dikenalpasti sebagai pembolehubah bersandar ke atas jangkaan pendapatan, jangkaan kadar tukaran dan tingkat harga. Hasil kajian ini mendapati pertumbuhan dalam pelancongan lebih proaktif berbanding dengan peningkatan bilik hotel, aliran pelancongan dan perbelanjaan pelancong. Pembangunan infrastruktur awam boleh di ambil perhatian dalam pertumbuhan industri pelancongan. Dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan agar faktor sosio-demografi dan gelagat perjalanan pelancong sebagai pembolehubah yang boleh dipertimbangkan dalam kajian.

Kajian yang dikaji oleh Katafona et al (2004) yang bertajuk “ Modelling Tourism Demand in Fiji” adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi industri pelancongan iaitu pendapatan, harga pasaran,, rampasan kuasa dan bencana alam iaitu serangan angin puting beliung. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Permintaan untuk pelancongan di Fuji yang digunakan untuk kedatangan pelancongan atau hasil daripada pelancongan sebagai pembolehubah bersandar. Hasil daripada kajian ini mendapati pendapatan daripada industri pelancongan khasnya negara Australia mempunyai hubungan yang positif dengan permintaan pelancongan dan begitu juga dengan harga pasaran yang meningkat memberi kesan positif kepada industri pelancongan di fuji. Bagi jangkaan kajian, rampasan kuasa merupakan satu masalah besar kepada permintaan pelancongan dan bagi bencana alam iaitu serangan angin puting beliung menyebabkan permintaan pelancongan merosot . Dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan agar menggunakan indeks REER sebagai proksi kepada harga pasaran yang mana akan lebih mempengaruhi keputusan kajian.

Kajian yang dijalankan oleh Ming (2008) yang bertajuk “ Using the extension of DEMATEL to integrate hotel service quality perceptions into a cause–effect model in

“uncertainty” adalah bertujuan untuk mengkaji cadangan bagi pendekatan penilaian nilai tanggapan kualiti servis berdasarkan kepada pengukuran Fuzzy dan tambahan percubaan membuat keputusan serta inakmal penilaian (EDEMATEL). Kajian ini mengandungi dua kumpulan yang terdiri daripada pekerja dan pelanggan yang mana termasuk dengan penilaian kriteria untuk empat buah hotel terkemuka Inggeris di Taiwan. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah ialah Teori Fuzzy dan kaedah EDEMATEL untuk menilai hubungan penilaian ciri-ciri kualiti servis dan mengandungi tanggapan kumpulan tersebut mengenai sebab dan impak dalam ketidaktentuan. Hasil daripada kajian ini mendapati dua sebab dan kesan kumpulan ini perlu terus menggunakan perkhidmatan sebagai hubungan sebab akibat kriteria dan pengelasan kriteria efektif, berturutan dan sebagai model dalam tanggapan perkhidmatan yang berkualiti. Pengkaji mencadangkan bahawa proses analitikal Fuzzy dijadikan kajian terbaik untuk mendalami hubungan kesan sebaliknya terhadap semua pembolehubah.

Kajian yang dijalankan oleh Lim et al (2008) yang bertajuk “ Forecasting h(m)otel guest nights in New Zealand” adalah bertujuan untuk memilih model siri masa tertentu yang mana pengusaha industri hotel dan motel boleh digunakan untuk meramal bilangan tetamu bermalam. Dengan memberi pengusaha industri ini seberapa banyak latihan, industri penginapan ini boleh memberi keuntungan mudah dengan menggunakan model sebagai ramalan yang mengandungi kos yang murah dalam pengurusan dan perancangan yang efektif. Kaedah yang digunakan ialah pendekatan Holt–Winters and Box–Jenkins dan Model ARMA yang digunakan untuk meramal bilangan tetamu bermalam yang mana 99 peratus variasi dalam ramalan tetamu bermalam adalah berkait dengan variasi sebenar tetamu bermalam pada tahun 2007. Hasil kajian ini mendapati variasi tertentu ditemui dalam pertumbuhan dan taburan kedatangan penginapan tetamu dalam destinasi terpilih di New Zealand. Saranan pengkaji ialah membandingkan pencapaian ramalan dengan model berlawanan yang bersetuju dengan ramalan alternatif yang mana memudahkan purata ramalan individu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Narayan (2008) yang bertajuk " Examining The Behaviour Of Visitor Arrivals To Australia From 28 Different Countries" adalah bertujuan untuk menguji kadar pertumbuhan kedatangan pelancong ke Australia oleh faktor-faktor tertentu dalam tempoh berbeza. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah mendapatkan hasil kajian daripada soalan soal selidik dan pemerhatian. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan bertembung dengan serangan 11 September dan krisis kewangan asia yang jatuh memberi kesan kepada cuti am yang sebetulnya menurunkan kadar pertumbuhan pelancong ke Australia. Di dalam kajian tersebut, beliau mencadangkan supaya syarikat penerbangan boleh mengurangkan kos penerbangan untuk waktu-waktu khas. Selain itu, syarikat penerbangan boleh bekerjasama dengan kemudahan penginapan untuk menarik pelancong.

Kajian yang disediakan oleh Alipour (1996) yang bertajuk "Tourism Development Within Planning Paradigms: The Case Of Turkey" adalah bertujuan untuk menganggar dan menganalisis pembangunan pelancongan di Turki dengan menentukan sejauh mana perancangan dan pembangunan polisi yang telah diakauankan dengan menggunakan perancangan paradigma. Model yang digunakan ialah model komprehensif dengan menggunakan pembolehubah yang merupakan gabungan formal dan elemen fungsi perancangan. Pendekatan yang digunakan dalam perancangan paradigma ialah perubahan institusi iaitu hubungan dengan kerajaan tempatan, tindakan orientasi iaitu sosial akan bertindakbalas dengan situasi masalah yang berlaku dan pendekatan pengerahan sumber. Keputusan kajian menunjukkan kerajaan Turki gagal dengan perancangan yang dirancang iaitu perancangan paradigma untuk melindungi dan menguruskan pelbagai industri di negara tersebut. Ini berlaku disebabkan kurang pengiktirafan dan pemahaman dalam sektor ini yang mengandungi pelbagai sumber dalam industri pelancongan tersebut. Dalam kajian tersebut, beliau mencadangkan peranan kerajaan untuk menjalinkan hubungan sektor awam dan sektor swasta dalam pembangunan pelancongan yang mana ia selari dengan kesan kualiti hidup dan imej negara dalam keseluruhan produk pelancongan.

Kajian yang dijalankan oleh Kendell (1990) yang bertajuk “ Economic Aspects” yang bertujuan untuk mengenalpasti tren dalam pelancongan iaitu perancangan dan pengurusan pada 1990 an yang merupakan aktiviti yang merisaukan dengan kesukaran dan ketidakpastian. Pembolehubah yang digunakan ialah berdasarkan ekonomi faktor ialah tawaran kerja, kadar tukaran wang asing dan hasil dari kerajaan. Berdasarkan ciri-ciri makro pula iaitu perancangan dan pengurusan, organisasi serta pemasaran. Kaedah analisis tren untuk menganalisis perkembangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara. Keputusan kajian menunjukkan pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah menunjukkan hubungan yang positif antara setiap faktor-faktor yang mempengaruhi sektor pelancongan. Dalam kajian tersebut, beliau mencadangkan perhatian yang lebih akan dibayar untuk perancangan strategik dalam menentukan kekuatan dan kelemahan dalam produk pelancongan. Selain itu, kerajaan perlu mengeluarkan senarai insentif yang lebih hebat untuk menarik lebih banyak pelancong melabur.

2.3 KESIMPULAN

Jurnal yang dikaji akan dijadikan panduan dalam menilai dan menentukan kaedah yang sesuai untuk menganalisis data-data sekunder supaya hasil kajian relevan dengan apa yang dikaji. Selain itu, rujukan daripada pengkaji-pengkaji lepas amatlah penting supaya kajian yang dilakukan boleh difokuskan dengan betul. Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu kajian faktor-faktor pembangunan pelancongan kajian kes negeri Terengganu iaitu faktor hotel, perbelanjaan pembangunan, pelaburan dan hasil kerajaan memberi kesan kepada kedatangan pelancong. Merujuk kepada kajian lepas, didapati kedatangan pelancongan dipengaruhi oleh kemudahan hotel, hasil kerajaan dan pelaburan dalam membangunkan sektor pelancongan. Selain itu, hubungan jangka pendek dan hubungan jangka panjang juga dapat dirujuk untuk kajian seterusnya.

BAB 3:

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Kaedah kajian merupakan langkah penting dalam setiap kajian kertas projek bagi melihat sejauh mana kajian yang dijalankan bertepatan dengan objektif kajian. Model kajian digunakan untuk mengkaji dan membuat keputusan berdasarkan kajian yang dijalankan. Daripada pernyataan tersebut, mustahil bagi sesuatu kajian tanpa ada model dan kaedah untuk menyelesaikan masalah. Perkara utama yang dikaji dalam kajian ini ialah untuk melihat samada faktor-faktor yang dijangkakan dalam pelancongan mempengaruhi pembangunan ekonomi di negeri Terengganu. Bab ini menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai setiap langkah untuk melihat kepada hasil kajian. Kajian ini bermula dengan membentuk model dan seterusnya model yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian akan dikaji menerusi kaedah analisis regresi linear iaitu Model Penganggaran Kuasa Dua Terkecil (OLS) dengan menggunakan perisian E-View 6.1.

3.2 DATA DAN SET MODEL KAJIAN

Kajian ini melibatkan data sekunder siri masa bagi tempoh 15 tahun bermula pada tahun 1993 sehingga tahun 2007. Data-data yang diperolehi daripada Jabatan Perbendaharaan Terengganu, Jabatan Perangkaan dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu. Kajian ini menumpukan terhadap faktor-faktor yang menjadi penyebab terhadap pembangunan ekonomi pelancongan di negeri Terengganu. Data-data yang diperolehi di proses menggunakan Econometric Views (E-Views) untuk mendapatkan hasil kajian. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi bilangan kedatangan jumlah pelancong di negeri Terengganu adalah jumlah perbelanjaan pembangunan, jumlah hasil, bilangan hotel serta jumlah pelaburan di negeri Terengganu. Semua faktor-faktor ini akan dibentuk dengan menggunakan model regresi linear untuk tujuan penganggaran analisis.

Model regresi dapat ditunjukkan seperti berikut:-

$$\ln TR_t = \beta_0 + \beta_1 \ln EXP_t + \beta_2 \ln INV_t + \beta_3 \ln REV_t + \beta_4 \ln HTL_t + \varepsilon_t \dots (1)$$

di mana ;

t = siri masa

β = pekali yang dianggarkan

ε = sebutan ralat

TR = bilangan kedatangan jumlah pelancong

EXP = perbelanjaan kerajaan

INV = pelaburan sektor pembangunan

REV = hasil negeri


HTL = jumlah penginapan

3.3 RANGKA TEORI

Rangka teori adalah satu bentuk aliran yang boleh ditunjukkan melalui gambar rajah antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Melalui rangka teori ini dapat dilihat arah hubungan penyebab kepada pembolehubah bilangan jumlah pelancong dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan pelancongan iaitu jumlah hasil, jumlah perbelanjaan pembangunan, jumlah bilangan penginapan dan hotel serta jumlah pelaburan.

Rajah dapat ditunjukkan seperti dibawah:-

Rajah 3.1 : Rangka Teori Hubungan Pembolehubah



Rajah 3.1 menunjukkan rangka teori hubungan antara pembangunan pelancongan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Pembolehubah penyebab di sini ialah faktor-faktor iaitu hasil kerajaan, perbelanjaan pembangunan, pelaburan dan hotel. Pembolehubah bersandar pula adalah bilangan kedatangan pelancong yang disebabkan oleh pembolehubah penyebab.

3.4 SUMBER DAN SKOP DATA

Keseluruhan data yang diuji merupakan data siri masa selama 15 tahun bermula tahun 1993 hingga tahun 2007. Pembolehubah bersandar yang diuji ialah bilangan kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu (TR). Data ini diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN).

Pembolehubah bebas yang digunakan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk membiayai sektor pembangunan (EXP) sekaligus memberi kesan pertumbuhan pelancongan. Tingkat pelaburan (INV) juga merupakan salah satu faktor yang menggalakkan pertumbuhan pelancongan. Faktor ini dikaji untuk melihat sejauh mana hubungan pelaburan dengan sektor pelancongan samada akan memberi kesan positif atau

sebaliknya kepada pertumbuhan infrastruktur pelancongan. Disamping itu, hasil pendapatan negeri (REV) juga dikaji untuk menghubungkan peranan hasil negeri kepada sektor pelancongan. Seterusnya pertambahan penginapan (HTL) merupakan satu faktor yang paling penting untuk kajian ini dimana penginapan merupakan pilihan utama untuk pelancongan menginap. Semakin banyak kapasiti yang boleh ditawarkan semakin maju industri pelancongan di negeri ini. Selain itu tawaran harga bagi infrastruktur penginapan turut akan mempengaruhi kedatangan dan permintaan pelancongan ke negeri Terengganu. Data yang diperolehi oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) berdasarkan bilangan penginapan di seluruh negeri Terengganu.

3.5 SPESIFIKASI MODEL

Teori kajian yang dihasilkan adalah memperlihatkan bagaimana pengujian dilakukan ke atas data dan secara khusus, model akan di spesifikasi mengikut prosedur pengujian lebih terperinci. Pembentukan model tersebut adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi terhadap pembangunan pelancongan negeri Terengganu. Model kajian ini dalam bentuk pengujian iaitu, ujian berbentuk ujian korelasi. Pembentukan model bagi akan diuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian dilakukan untuk menentukan sejauh mana hubungan di antara pembolehubah saling berhubung antara satu sama lain.

3.5.1 KORELASI

Ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara dua pembolehubah yang berlainan. Bagi data yang bersifat data siri masa, ujian korelasi diadaptasikan untuk mengesan masalah kolineariti berbilang yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Masalah ini wujud di antara pemboleh ubah tidak bersandar. Apabila pemboleh ubah tidak bersandar dalam persamaan regresi adalah berstokastik, maka sifat Penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) akan bergantung kepada pembolehubah rawak.

3.6 PENGANGGARAN KUASA DUA

Data yang telah dikumpul melalui kajian yang dijalankan iaitu tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di Terengganu perlu dianalisis untuk memahami hubungannya dengan jumlah kedatangan pelancong ke Terengganu. Penganalisaan data dalam kajian ini dibuat dengan menggunakan melalui perisian Econometric Views (E-Views). Penganggaran model regrasi berbilang menggunakan teknik kuasa dua terkecil yang biasa (Ordinary Least Square) (OLS) bagi menganggarkan nilai-nilai parameter β_1 , β_2 , β_3 , dan β_4 . Penganggar kepada parameter-parameter itu disimbolkan sebagai b_1 , b_2 , b_3 dan b_4 menurut susunannya.

Pada asasnya, cara-cara untuk mendapatkan formula OLS itu adalah sama dengan model regrasi mudah. Perisian Econometric Views (E-Views) digunakan untuk mengira nilai-nilai penganggar serta varian masing-masing, malah juga dapat memberikan semua nilai statistik yang berkaitan dengan model regrasi berbilang itu dengan cara yang paling cekap.

3.7 HETEROSKEDASTISITI – UJIAN WHITE

Ujian White dinamakan sempena Halbert white yang merupakan satu ujian yang dibentuk kerana ralat varians dalam model regrasi adalah konstan iaitu homokedastisiti. Untuk menguji pemalar varians untuk regrasi pertama adalah dengan mengkuasaduakan ralat daripada model regrasi kemudiannya R^2 akan diperiksa. Jika homokedastisiti ditolak model ARCH boleh digunakan.

Ujian White diuji berdasarkan output yang dikeluarkan dari E-Views iaitu nilai F dan nilai P. kedua nilai ini akan dilihat sekiranya nilai P lebih kecil daripada 0.05 maka tolak hipotesis null.

Pengujian boleh ditulis seperti berikut:

Hipotesis null, $H_0 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 = 0$ (homokedastisiti)

Hipotesis alternative, H_1 : varians bagi ralat adaiah berbeza (heterokedastisiti)

Tolak H_0 = nilai P lebih kecil dari 0.05

Tidak tolak H_0 = nilai P lebih besar dari 0.05

3.8 UJIAN NORMALITI

Ujian normaliti diuji untuk mengenalpasti samada model regresi yang dibentuk adalah normal atau tidak. Pengujian dilakukan dengan menggunakan output yang dikeluarkan oleh E-view berdasarkan histogram Ujian Normaliti. Untuk mendapatkan hasil kajian, nilai Jarque-Bera dan nilai P akan dilihat. Pengujian adalah seperti berikut:

Pengujian hipotesis :

Hipotesis null, H_0 = taburan data tidak normal

Hipotesis alternatif, H_1 = taburan data normal

- i. Nilai Jarque-Bera lebih besar daripada nilai P : taburan data adalah normal maka H_0 akan ditolak
- ii. Nilai Jarque-Bera lebih kecil daripada nilai P : taburan data adalah tidak normal maka tidak tolak H_0

3.9 HUBUNGAN BERSIRI (SERIAL CORRELATION)

Hubungan bersiri atau serial correlation bermakna ralat untuk regresi siri masa adalah dihubungkan dengan nilai lag iaitu $\varepsilon_t = \rho \varepsilon_{t-1} + \mu_t$.

Terdapat dua kaedah untuk menguji sama ada raiat dalam regrasi mempunyai masalah autokorelasi iaitu :

3.9.1 Ujian Durbin Watson (DW)

Durbin Watson merupakan kaedah pengujian autokorelasi dengan menggunakan kaedah lama dalam ekonometrik. Andaian DW adalah seperti berikut:

- i. Model regrasi mempunyai pintasan
- ii. Susunan pertama autokorelasi adalah, $\varepsilon_t = \rho\varepsilon_{t-1} + \mu_t$
- iii. Model mestilah tidak termasuk lag pembolehubah bersandar, pekali iaitu Y_{t-1}

Hipotesis bagi Ujian Durbin-Watson

Hipotesis null, H_0 : tiada hubungan korelasi

Hipotesis alternatif, H_1 : hubungan korelasi positif (berkaitan)

hubungan korelasi negatif (tidak berkaitan)

3.9.2 Ujian Lagrange Multiplier Serial Correlation Test (LMSC)

Lebih umum (dan berguna) ujian untuk korelasi bersiri ialah ujian LM. Ujian ini adalah biasa digunakan dengan bantuan regrasi berbanding ujian Durbin-Watson dalam menetapkan hasil berdasarkan nilai lag yang dipilih. Kita akan tolak H_0 yang tiada autokorelasi jika pekali nilai lag adalah signifikan. Antara kebaikan menggunakan LMSC adalah :

- i. Ujian untuk mana-mana korelasi siri masa
- ii. Lag pembolehubah bersandar boleh dijadikan sebagai pekali
- iii. Hipotesis biasa yang diuji (tolak/ tidak tolak)

LMSC boleh diuji dengan menggunakan ujian F iaitu dengan membandingkan dengan nilai P yang mana jika :

Pengujian hipotesis:

Hipotesis null, H_0 : terdapat autokorelasi (ada hubungan antara ralat)

Hipotesis alternatif, H_1 : tiada autokorelasi (tidak mempunyai hubungan antara ralat)

Maka,

Tolak H_0 : nilai P lebih kecil dari 0.05

Tidak tolak H_0 : nilai P lebih besar dari 0.05

3.8 KESIMPULAN

Dalam kajian ini, beberapa langkah telah dijalankan untuk menyempurnakan penyelidikan tentang proses-proses dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di negeri Terengganu. Proses tersebut adalah termasuk mengenalpasti masalah kajian, membentuk hipotesis kajian, membuat pengumpulan data, menjalankan pemprosesan dan penganalisaan data serta membuat kesimpulan terhadap pendapatan kajian. Hasil kajian ini akan membuktikan sama ada pembolehubah-pembolehubah yang dipilih memberi kesan yang signifikan dalam kajian dan membuat kesimpulan sama ada ia boleh digunakan sebagai indikator penting yang memberi nilai dan faktor-faktor yang representatif terhadap kedatangan pelancong ke negeri Terengganu.

BAB 4:

ANALISIS DATA KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan mengenai penganalisisan dapatan kajian bagi beberapa ujian yang dijalankan ke atas data siri masa untuk mengkaji hubungan yang wujud dalam pembolehubah faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan pelancongan ke negeri Terengganu iaitu perbelanjaan pembangunan, bilangan hotel dan penginapan serta jumlah pelaburan dengan jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini. Bagi melaksanakan ujian yang telah dikenalpasti, kajian ini menggunakan perisian E-view 6.1 untuk mendapatkan hasil keputusan setiap ujian. Dalam kajian ini, semua data telah ditukar ke dalam bentuk log sebelum analisis ujian statistik dijalankan. Oleh itu, semua hasil keputusan akan diterangkan dalam bentuk log pembolehubah.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis tren dijalankan untuk melihat arah pergerakan data siri masa pembolehubah. Andaikan Y_t merupakan pembolehubah ekonomi yang diperhatikan melalui masa. Pembolehubah Y_t adalah rawak maka tidak dapat dijangkakan dengan sempurna nilainya akan diketahui hanya setelah pemerhatian dilakukan.


Model ekonomi yang menganalisis pembolehubah siri masa Y_t , dikenali sebagai stokastik atau proses rawak. Apabila sampel nilai Y_t diperhatikan maka ia dikenali sebagai realisasi khusus dalam proses stokastik. Ia merupakan salah satu langkah yang perlu dilakukan dalam proses stokastik. Ciri penganggar kuasa dua terkecil dalam regresi yang akan menggunakan data siri masa adalah bergantung kepada andaian bahawa pembolehubah siri masa tersebut mempunyai kepegunaan proses stokastik. Satu proses

stokastik Y_t adalah pegun jika min dan variansnya adalah malar sepanjang masa yang bergantung kepada jurang masa yang memisahkan dua nilai.

Ciri atau keadaan kepegunaan adalah sukar dikuasai namun dengan melihat rajah tren boleh membantu menyelesaikan masalah. Data adalah pegun jika siri berbeza secara rawak pada tingkat malar (min) dan mempunyai taburan yang malar (varians), manakala siri masa yang tidak pegun dikenali sebagai *random walk* kerana ia bergerak ke atas atau ke bawah secara perlahan-lahan tanpa bentuk yang sebenar. Siri yang hanya bergerak ke atas atau ke bawah dikenali sebagai *random walk with a drift*. Dalam bahagian ini, pengkaji akan memerhati setiap pembolehubah siri masa yang dikaji untuk melihat sama ada ia mempunyai tren atau hanya bergerak secara malar.

4.2.1 Analisis Tren Terhadap Kedatangan Pelancongan

Rajah 4.1 : Tren kedatangan pelancong ke Terengganu (1993-2007)




Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan graf taburan di atas, bilangan kedatangan pelancong ke negeri Terengganu mempunyai tren menaik pada tempoh 1993-1997, 1998-2002 dan 2003-2007 manakala

tren menurun pada 1998 dan 2003. Perubahan tren ini merupakan siri masa dengan *random walk* di mana tren meningkat pada suatu tempoh masa dan kemudian menurun semula dalam tempoh masa tertentu. Perkara ini menunjukkan data ini tidak bersifat pegun.

4.2.2 Analisis Tren Terhadap Jumlah Pelaburan

Rajah 4.2 : Tren jumlah pelaburan di Terengganu (1993-2007)




Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan graf taburan di atas, jumlah pelaburan yang merangkumi pelaburan asing,tempatan dan gabungan antara pelaburan asing dan tempatan menunjukkan turun naik mengikut arus masa yang banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti pertukaran pucuk pimpinan negeri dan kegawatan ekonomi dunia. Jumlah pelaburan yang mengalami penurunan dan menaik pada tempoh yang tidak sekata. Ia merupakan siri masa yang tidak pegun.

4.2.3 ANALISIS TREND TERHADAP BILANGAN HOTEL

Rajah 4.3 : Bilangan hotel di Terengganu (1993-2007)




Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan Rajah 4.3 di atas, pertambahan bilangan hotel di negeri Terengganu mengalami peningkatan yang berterusan bermula dari tahun 1993 sehingga tahun 2007. peningkatan ini dipengaruhi oleh banyak faktor terutamanya berlaku peningkatan dalam kadar permintaan pelancongan oleh pelancong dalam dan luar negara. Data yang ditunjukkan dalam graf merupakan data pegun.

4.2.4 ANALISIS TREND TERHADAP PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Rajah 4.4 : Jumlah perbelanjaan pembangunan di Terengganu (1993-2007)




Sumber : Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan kepada rajah 4.4, jumlah perbelanjaan pembangunan di Terengganu mengalami tren menaik pada 1993-1997 dan pada 2004-2007 dan penurunan pada tahun 1998 sehingga 2003. Perubahan tren ini yang banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor semasa iaitu perubahan kepimpinan kerajaan negeri terutama sekali dalam tempoh bermula tahun 1998 sehingga tahun 2003. Data ini merupakan data yang bersifat tidak pegun.

4.2.5 ANALIS TREN TERHADAP JUMLAH HASIL

Rajah 4.5 : Jumlah hasil negeri Terengganu (1993-2007)




Sumber : Jabatan Perbendaharaan Negeri Terengganu (2007)

Berdasarkan rajah 4.5, menunjukkan taburan graf jumlah hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri Terengganu. Jumlah hasil menunjukkan tren kenaikan dan penurunan dalam tempoh yang singkat. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi iaitu kemelesetan ekonomi pada tahun 1997. Data yang ditunjukkan ini merupakan data yang bersifat tidak pegun.

4.2.6 Analisis hubungan pemboleh ubah TR dengan pembolehubah bebas

Rajah 4.6 : Hubungan antara pembolehubah



Sumber : Unit Perancang Ekonomi Terengganu dan Jabatan Perbendaharaan Terengganu

Berdasarkan rajah 4.6 menunjukkan hubungan pembolehubah bersandar LNTR dengan pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu LNXP, LNREV, LNINV dan LNHT. Daripada rajah didapati hanya hubungan LNTR dan LNHT yang bertaburan sekata. Selebihnya adalah tidak konsisten.

4.3 ANALISIS KEPUTUSAN REGRASI MUDAH

$$\begin{array}{lll} \text{LNTR} = -5.9387 & + 0.3010\text{LNXP} & - 0.0002\text{LNREV} \\ (2.8944) & (0.1850) & (0.1977) \\ [-2.0518] & [1.6274] & [-0.0011] \\ \\ - 0.09731\text{LNINV} & + 2.8704*\text{LNHT} & \\ (0.0824) & (0.4749) & \\ [-1.1815] & [6.0439] & \end{array}$$

Di mana ;

R-squared, $R^2 = 0.8786$

Adjusted $R^2 = 0.8301$

Durbin Watson, DW = 1.4512

Statistik F = 18.1006

Probability = 0.0001

White : F (0.1076) , P (0.9907)

Normality : JB (1.9577) , P (0.3758)

Nota: () Standard Error

[] Nilai Statistik t

LNTR = kedatangan pelancongan ke negeri Terengganu

LNXP = perbelanjaan pembangunan

LNREV = hasil kerajaan

LNINV = jumlah pelaburan

LNHT = jumlah hotel

Jumlah keputusan regresi mudah menunjukkan bahawa kedatangan pelancong (LNTR) mempunyai hubungan positif dengan pembolehubah perbelanjaan pembangunan (LNXP) dan jumlah hotel (LNHT) manakala mempunyai hubungan negatif dengan pembolehubah


hasil kerajaan (LNREV) dan jumlah pelaburan (LNINV). Keputusan regresi mudah menunjukkan $R^2 = 0.8786$ di mana sebanyak 87.86 % perubahan dalam pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh semua pembolehubah bebas iaitu LNHT,LNXP,LNINV dan LNREV. Daripada hasil keputusan, didapati hanya pembolehubah jumlah hotel (LNHT) adalah signifikan terhadap jumlah kedatangan pelancong ke negeri Terengganu iaitu nilai statistik $t = 6.0439$ dengan nilai $p = 0.0001$ iaitu signifikan pada aras keertian 1%. Ini menunjukkan sekurang-kurangnya satu pembolehubah mempunyai kesan yang signifikan terhadap peningkatan jumlah pelancong ke negeri Terengganu.

4.4 Ujian Heterokedastisiti

Ujian yang digunakan untuk mengesan heterokedastisiti adalah Ujian White. Berdasarkan ujian yang dilakukan iaitu nilai statistik $F = 0.1076$ dan nilai $P = 0.9907$ yang mana nilai P lebih besar pada aras keertian 5% atau 0.05 maka tidak tolak hipotesis null di mana persamaan mempunyai homokedastisiti. Ini bermakna model regresi ini tidak mempunyai heterokedastisiti maka tindakan susulan perlu dibuat iaitu dengan melakukan Ujian Normaliti untuk menguji samada taburan data yang diperolehi adalah normal atau tidak.

4.5 Ujian Normality-histogram

Rajah 4.7 : Histogram Normaliti



Ujian yang digunakan untuk mengesan normaliti taburan data adalah Ujian Normality. Ujian ini akan melihat kepada nilai Jarque-Bera (JB) dan dibandingkan dengan nilai P. Berdasarkan keputusan didapati nilai JB lebih besar daripada nilai P. Ini bermakna taburan data adalah normal kerana tolak H_0 . Hasil ujian ini jelas membuktikan bahawa tiada masalah keciciran atau normaliti.

4.6 Korelasi bersiri (Serial Corelation)

Ujian yang digunakan untuk mengesan masalah data siri masa dengan menggunakan Ujian Breush-Godfrey. Pengujian dijalankan dengan melihat kepada nilai $P = 0.8736$ dimana nilai P adalah lebih besar pada aras keertian 0.05 dengan nilai $F = 0.1375$. Oleh itu, tidak tolak H_0 pada aras keertian 0.05 kerana terdapat hubungan antara ralat. Daripada pengujian yang dibuat jelas menunjukkan terdapat autokorelasi dalam pekali regresi.

4.7 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati keputusan kajian daripada ujian-ujian yang dijalankan adalah menepati objektif kajian iaitu untuk melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara kedatangan jumlah pelancong dengan pembolehubah-pembolehubah faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bebas. Hasil keputusan ujian Penganggran Kuasa Dua Terkecil yang dianalisis dengan menggunakan ujian pengukuhan (stability) yang terdiri daripada Ujian white untuk heterokedastisiti, Ujian Normaliti dan Ujian Korelasi bersiri. Pegukuhan daripada ujian tersebut menunjukkan kepada kekuatan model regresi yang dibentuk samada boleh diteruskan atau tidak. Secara keseluruhannya, ujian-ujian ini memberi keputusan dimana regresi yang dibentuk boleh digunakan untuk analisis seterusnya. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini boleh dijadikan panduan dalam menjadikan satu faktor yang boleh digunakan bagi merancang dasar bagi pembangunan pelancongan yang lebih berinovasi lagi.

BAB 5: IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN

5.1 PENDAHULUAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor utama yang menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan pembangunan sektor pelancongan di negeri Terengganu. Dalam kajian ini, ianya memberi satu gambaran jelas bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan pelancongan iaitu perbelanjaan kerajaan, tingkat pelaburan, jumlah hotel dan penginapan serta tingkat hasil negeri mempunyai hubungan dengan kadar kedatangan pelancong ke negeri Terengganu. Secara kasarnya, keputusan kajian ini adalah hampir sama dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas iaitu kajian yang dilakukan oleh Kendell (1990). Dalam bab yang terakhir ini, penemuan dan cadangan yang berasaskan penyelidikan akan dihuraikan secara menyeluruh bagi memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana kepesatan industri pelancongan memberi kesan kepada Negeri Terengganu.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Kajian yang telah dilakukan telah menganalisis beberapa pembolehubah yang menjadi faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pelancongan di negeri Terengganu dalam tempoh 15 tahun yang bermula dari tahun 1993 hingga 2007. Ini adalah kerana jumlah kedatangan pelancong merupakan pembolehubah yang menentukan tahap terhadap pertumbuhan pelancongan negeri ini. Ini merupakan aspek utama dalam kajian ini. Kedatangan pelancong yang semakin meningkat dalam tempoh 15 tahun ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang turut sama menarik perhatian masyarakat negara Malaysia serta bangsa asing untuk mengenali kepesatan sektor ini di negeri ini. Justeru itu, kerajaan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam memandu pelancongan negeri ini ke peringkat global bagi meningkatkan lagi tarikan terhadap kedatangan pelancong.

Sempena tahun melawat Terengganu 2008, pelbagai alternatif program pelancongan telah dirancang dan dijalankan di Terengganu sepanjang berjalankan program pelancongan ini antaranya Festival Citrawarna, Pesta Makanan dan Buah-buahan dan berbagai lagi. Peningkatan kadar kedatangan pelancong melonjak naik kepada 3.5 juta orang pada tahun 2008 jelas menunjukkan program pelancongan ini memberi kesan yang amat besar dalam sektor ini sumber daripada UPEN (2007). Persoalan di sini adalah dapatkah program-program pelancongan yang dirancang selepas ini mampu mempengaruhi kadar kedatangan pelancong ke Terengganu.

Pada tahun 2008 juga, sektor pelancongan telah menjana hasil sebanyak 35 peratus daripada hasil keseluruhan negeri iaitu sebanyak RM2268.21 juta berdasarkan sumber daripada Jabatan Perbendaharaan Terengganu (2007). Tambahan pula menurut sumber sepatutnya sektor pelancongan adalah penyumbang kedua terbesar kepada hasil negeri ini selain dari penyumbang utama iaitu sektor perikanan dan pertanian. Seiring dengan pelancaran Tahun Melawat Terengganu yang bertemakan “Alam Semulajadi Memayungi Warisan” menunjukkan kerajaan benar-benar ingin menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan yang moden dan terkenal di mata asia dan seterusnya dunia. Sebelum pelancaran Tahun Melawat Terengganu ini dilancarkan, negeri Terengganu telah diperkenalkan satu destinasi pelancongan yang baru dibangunkan iaitu Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man, Terengganu.

Pembukaan Taman Tamadun Islam pada tahun 2007 merupakan satu pembaharuan dalam sektor pelancongan negeri Terengganu. Pembinaannya yang bertemakan keislaman yang mana menempatkan monumen-monumen masjid terkenal di dunia yang mampu menarik pelbagai lapisan masyarakat samada dalam atau luar negara untuk bertandang ke negeri ini. Justeru itu, sempena pembukaan Taman Tamadun dijangka akan menerima kedatangan pelancong luar negeri ini adalah seramai 3.0 juta berdasarkan sumber UPEN (2007) iaitu lebih ramai daripada kedatangan pelancong pada tahun sebelum ini. Selain daripada merapatkan keharmornian antara pelancong dan penduduk negeri,

perkembangan ini menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri serta secara tidak langsung membuka peluang kerja kepada rakyat setempat.

Berdasarkan kepada rumusan regresi kajian yang menggunakan model regresi mudah sebagai model analisis. Antara Ujian ‘Stability’ yang digunakan ialah ujian White (heterokedastisiti), Ujian Normality dan Ujian Korelasi Bersiri (serial correlation). Dapatan kajian daripada Ujian White adalah mendapati tahap heterokedastisiti adalah baik dimana model regresi tidak mempunyai masalah heterokedastisiti. Bagi Ujian Normality pula setelah pengujian dilakukan didapati taburan data normal tidak mempunyai masalah keciciran atau normality. Ini bermakna taburan data adalah normal dan ini menjadikan gaburan data adalah sempurna. Bagi Ujian Korelasi Bersiri yang ingin menguji samada pekali regresi mempunyai masalah autokorelasi atau tidak. Setelah pengujian dilakukan didapati terdapat autokorelasi dalam pekali regresi. Ini bermakna hasil regresi adalah baik.

Secara keseluruhannya, setelah dijalankan ujian pengukuhan terhadap hasil regresi didapati model regresi ini mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain. Ini bermakna faktor-faktor daripada pembolehubah-pembolehubah ini adalah menepati objektif kajian dimana objektif utama kajian adalah untuk mengkaji samada faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan sektor pelancongan adalah mencapai matlamat.

5.3 CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Pembangunan sektor pelancongan di negara ini semakin berkembang, begitu juga dengan perkembangan pelancongan di Terengganu. berikutan dengan sektor pelancongan merupakan sektor yang membantu ekonomi negeri Terengganu. Selain itu, disifatkan sebagai perancangan yang membina, memperluas dan mempelbagaikan asas ekonomi negara supaya lebih progresif dan berdaya maju. Namun begitu terdapat juga masalah-masalah yang timbul akibat daripada pembangunan pelancongan di negeri ini. Dari sudut

sosial pula, persoalan yang timbul adalah pembangunan pelancongan menjana faedah yang bermakna kepada penduduk setempat atau lebih menguntungkan sesetengah golongan terutamanya pemilik hotel dan resort. Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan, berikut disyorkan beberapa cadangan yang boleh digunakan.

5.3.1 PROMOSI

Untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi yang popular untuk dikunjungi, pihak kerajaan dan swasta perlulah memainkan peranan yang penting dalam sektor ini. Kerajaan melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan boleh mengadakan promosi di negara luar seperti promosi jalanan ke negara-negara maju contohnya Eropah, Asia Timur, Asia barat dan negara rumpun ASEAN bagi menarik pelancongan ke Malaysia. Selain itu, langkah kerajaan dalam melaksanakan kempen Cuti-Cuti Malaysia dilihat sebagai satu langkah yang bijak bagi menarik pelancong asing dan tempatan untuk bercuti di Malaysia. Kejayaan menarik ramai pelancong ke sini bukan sahaja mengambarkan imej negara yang baik serta turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara iaitu dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelancongan untuk berbelanja di Malaysia.

Pihak media juga mestilah memainkan peranan yang penting dimana melalui promosi secara tidak langsung kebudayaan, makanan dan kesenian dapat ditonjolkan kepada negara luar. Kerjasama dengan media antarabangsa boleh dilakukan untuk memperkenalkan sebagai satu destinasi pelancongan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pihak kerajaan dan sektor swasta perlulah berganding bahu untuk menjayaka promosi negara Malaysia ke mata dunia.

Selain berperanan sebagai pihak media, sektor swasta juga merupakan penyumbang utama dari segi kewangan yang membolehkan promosi dijalankan dengan lebih berjaya. Selain itu, pihak swasta diharap dapat membantu kerajaan dalam menganjurkan pestival dan acara sukan yang bertaraf dunia seperti kejohanan Le Tour De Langkawi dan kereta

lumba Formula One. Kerjasama yang erat antara kedua-dua pihak amat diperlukan dalam memposisikan Malaysia sebagai satu destinasi yang patut di kunjungi

5.3.2 PENINGKATAN INFRASTRUKTUR

Kemudahan infrastruktur yang baik dan mencukupi menjamin keselesaan dan keberkesanan perjalanan pelancong. Kerajaan perlulah meningkatkan keperluan infrastruktur yang lengkap dan mengikut permintaan dunia iaitu dengan meningkatkan kapasiti dan kecekapan infrastruktur pengangkutan. Ini selaras dengan komitmen infrastruktur Teras satu Rancangan Malaysia Ke Sembilan dengan komitmen untuk menaiktaraf jalan raya, lebuh raya, landasan keretapi dan landasan kapal terbang. Sekiranya rancangan ini berjaya di jalankan kemungkinan besar sasaran untuk menarik lebih ramai pelancongan adalah positif.

Perkara yang paling utama ialah sistem jaringan jalan raya terutamanya ke kawasan yang menghubungkan ke destinasi-destinasi pelancongan yang menarik perlulah dalam keadaan yang selesa selain turut dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan yang lain. Tahap keselamatan pelancong juga perlulah diutamakan supaya tidak berlaku kes yang tidak sepatutnya yang mana secara tidak langsung akan mengugat industri pelancongan negara. Disamping itu, pembinaan jeti yang moden di kawasan pulau-pulau pelancongan utama adalah satu perkara yang mesti dititik beratkan. Selain itu, pembinaan lapangan terbang yang selesa dan mampu memberi gambaran pertama kepada pelancongan untuk melancong ke destinasi seterusnya dalam negara. Disini, peranan pihak swasta amat penting dalam membantu kerajaan membangunkan infrastruktur awam kerana peruntukan untuk penyediaan ini adalah amat besar.

5.3.3 GALAKAN PELABURAN

Peranan kerajaan perlu digunakan dalam menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara bagi meningkatkan industri pelancongan. Potongan atau pengecualian cukai boleh

dikenakan kepada pengusaha tempatan yang berunsurkan pelancongan seperti contoh pengusaha hotel dan penginapan. Dengan itu, perkembangan industri ini akan tumbuh dengan pesat. Disamping itu, pengecualian atau potongan cukai boleh digunakan kepada pengusaha yang baru masuk dalam industri ini bagi mengimbangi modal awal yang telah dilaburkan. Dana-dana khusus untuk industri pelancongan juga boleh diwujudkan bagi membantu usahawan tempatan yang ingin menceburi bidang perniagaan berdasarkan pelancongan.

Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) iaitu berkaitan dengan sektor perkhidmatan iaitu pelancongan, seiring dengan komitmen untuk mempergiatkan aktiviti pemasaran dan promosi sejajar dengan saranan untuk lebih meningkatkan produktiviti daripada hasil pelancongan samada dari dalam atau luar negara. Daripada komitmen yang dibentuk daripada rancangan tersebut, kerajaan perlulah lebih bertanggungjawab untuk mempromosikan negara yang secara lansung akan memberi kesan kepada bilangan ketibaan pelancong, perbelanjaan per kapita pelancong dan kadar purata penginapan hotel di masa akan datang. Pelancong dari luar negara ke Malaysia dan seterusnya singgah ke negeri Terengganu untuk melancong.

5.4 KESIMPULAN

Pembangunan pelancongan dalam sesebuah kawasan yang mempunyai potensi besar dalam sektor ini amat penting. Kapasiti kedatangan pelancong dalam satu tempoh masa memberi alternatif kepada pembangunan pelancong untuk mewujudkan lebih banyak keperluan untuk menggaiakkan sektor pelancongan. Berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan kadar kedatangan pelancong, terdapat banyak dasar-dasar kerajaan telah digubal untuk membina strategi yang efektif dalam menarik dan menjana sektor pelancongan negeri Terengganu sebagai sektor yang menjana pendapatan negeri. Oleh itu, sektor pelancongan Terengganu akan bertapak dengan lebih maju lagi seiring depan peranan kemua pihak untuk membangunkan Terengganu Negeri Bestari dan “Di mana Budaya Memayungi Warisan”.

RUJUKAN

Jurnal

Onder, O. (2005) 'An Empirical analysis of the Determinants of International Tourism demand : The Case of Izmir' Tourism Management

Tse,R. (2001) 'Estimating the Impact of economic factors on tourism: evidence from Hong Kong' Tourism Economics,7(3), 277-293

Katafono, R. (2004) 'Modelling Tourism Demand In Fiji' Economics Department, Reserve Bank of Fiji.

Kendell, P. (1987) 'Economics Aspects', Project Planning and Development, 140-142

Alipour, H. (1996) 'Tourism Development Within Planning Paradigms: the Case of Turkey', Tourism Management, 17(5), PP. 367-377

Narayan, P.K. (2008) ' Examining the Behaviour of Visitor Arrivals to Australia From 28 Different Countries' Transportation Research,751-761

Lee, C.C (2008) 'Tourism Development and Economic Growth: A Closer Look at Panels', Tourism Management, 180-192

Kimes and Wirtz, 2003 S.E. Kimes and J. Wirtz, Has revenue management become acceptable? Findings from an international study on the perceived fairness of rate fences, Journal of Service Research 6 (2) (2003), pp. 125–135.

Data

Data asas 2007, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (2007), 23-44

Penyata Belanja Hasil 2007, Jabatan Perbadayaan Negeri Terengganu

Laman web

www.utusanonline.com.my

<http://www.travel.tourism.gov.my>

<http://www.mm2h.gov.my>

<http://bernama.com.mv>

<http://www2.motour.gov.my>

LAMPIRAN

- i. Data
- ii. Output OLS
- iii. Ujian White Heterokedastisiti
- iv. Serial correlation-Breusch Godfrey
- v. Ujian Normaliti

i. DATA

tahun	pelarcong	pelaburan	penginapan	perbelanjaan	hasil tahunan(juta)
1993	375296	4042700000	134	151590485.48	631.5
1994	517925	3882506000	142	179619173.02	534.02
1995	857144	1763100000	150	221213688.54	559.99
1996	1232278	2338800000	165	243774260.73	626.01
1997	1854038	3246375000	165	273052886.86	688.1
1998	1093977	7170405142	177	215368563.24	723.13
1999	1149037	1327439906	182	177886075.83	633.96
2000	1330545	215830000	182	126527244.82	577.23
2001	1390648	58109381	212	45640048.34	200.92
2002	1401819	52854000	212	20344888.51	265.2
2003	1382504	526599000	212	51003432.99	190.86
2004	1580967	138400000	202	43262625.67	408.33
2005	1822678	514730464	202	193108122.29	1254.46
2006	2300379	3181726000	220	547074105.51	1561.143
2007	2867383	6497044000	227	784024994.86	126213

ii. OUTPUT OLS

Dependent Variable: LNTR

Method: Least Squares

Date: 04/10/09 Time: 15:27

Sample: 1993 2007

Included observations: 15

	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
LNXP	0.300999	0.184960	1.627374	0.1347
LNREV	-0.000209	0.197660	-0.001058	0.9992
LNINV	-0.097304	0.082359	-1.181468	0.2648
LNHT	2.870360	0.474923	6.043850	0.0001
C	-5.938669	2.894429	-2.051759	0.0673
R-squared	0.878644	Mean dependent var		14.04782
Adjusted R-squared	0.830102	S.D. dependent var		0.523916
S.E. of regression	0.215951	Akaike info criterion		0.033675
Sum squared resid	0.466350	Schwarz criterion		0.269692
Log likelihood	4.747436	Hannan-Quinn criter.		0.031161
F-statistic	18.10056	Durbin-Watson stat		1.451156
Prob(F-statistic)	0.000142			

iii. UJIAN WHITE – HETEROKEDASTISITI

Heteroskedasticity Test: White

F-statistic	0.107579	Prob. F(13,1)	0.9907
Obs*R-squared	8.746158	Prob. Chi-Square(13)	0.7918
Scaled explained SS	5.751902	Prob. Chi-Square(13)	0.9547

Test Equation:

Dependent Variable: RESID^2

Method: Least Squares

Sample: 1993 2007

Included observations: 15

Collinear test regressors dropped from specification

	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	-123.3783	235.7316	-0.523384	0.6930
LNXP	7.378147	22.90836	0.322072	0.8016
LNXP^2	-2.112442	3.209912	-0.658100	0.6295
LNXP*LNREV	2.287863	3.365148	0.679870	0.6199
LNXP*LNINV	1.641639	2.514078	0.652978	0.6317
LNXP*LNHT	2.725711	4.050408	0.672947	0.6229
LNREV	1.237590	26.56364	0.046590	0.9704
LNREV^2	-0.279355	0.850413	-0.328493	0.7979
LNREV*LNINV	-0.847348	1.305447	-0.649087	0.6335

iv. SERIAL CORRELATION – BREUSCH GODFREY

F-statistic	0.137489	Prob. F(2,8)	0.8736
Obs*R-squared	0.498450	Prob. Chi-Square(2)	0.7794

Test Equation:

Dependent Variable: RESID

Method: Least Squares


Sample: 1993 2007

Included observations: 15

Presample missing value lagged residuals set to zero.

	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	0.264282	3.460335	0.076375	0.9410
LNXP	0.024736	0.213650	0.115778	0.9107
LNREV	-0.014173	0.234013	-0.060563	0.9532
LNINV	-0.015454	0.095712	-0.161468	0.8757
LNHT	-0.064561	0.541696	-0.119183	0.9081
RESID(-1)	0.196687	0.376053	0.523029	0.6151
RESID(-2)	-0.029198	0.395769	-0.073775	0.9430
R-squared	0.033230	Mean dependent var		-3.08E-15
Adjusted R-squared	-0.691848	S.D. dependent var		0.182512
S.E. of regression	0.237396	Akaike info criterion		0.266547
Sum squared resid	0.450853	Schwarz criterion		0.596971
Log likelihood	5.000896	Hannan-Quinn criter.		0.263027
F-statistic	0.045830	Durbin-Watson stat		1.802015
Prob(F-statistic)	0.999320			

v. NORMALITY TEST



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERTUMBUHAN PELANCONGAN: KAJIAN KES NEGERI
TERENGGANU- NORHIDAYATI BINTI MOHD